

## FAQ BORANG E

### PERTANYAAN AM

**S1: Syarikat saya baru memulakan perniagaan dan mempunyai beberapa orang pekerja yang mana pendapatan mereka kurang daripada RM1000 sebulan. Perlukah saya mendaftarkan fail Majikan (“E”) untuk syarikat ini di LHDN ?**

J1: Ya. Syarikat tuan perlu mendaftarkan fail Majikan sekiranya mempunyai pekerja. Pendaftaran fail Majikan tidak mengambilkira bilangan pekerja dan jumlah pendapatan yang diperolehi oleh mereka. Seksyen 83 (1) hingga (5) Akta Cukai Pendapatan 1967 telah menggariskan tanggungjawab-tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh setiap Majikan.

**S2: Bagaimana dan di mana saya boleh berurusan untuk mendaftarkan fail Majikan ini?**

J2: Tuan perlu hadir ke pejabat LHDN yang berhampiran dengan alamat syarikat tuan dengan membawa bersama salinan fotostat dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftaran Perniagaan ( Borang A , D ) atau (Borang 9, 13, 24, 49) daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta mengisi borang permohonan pendaftaran fail Majikan iaitu KL/R/368A.

**S3: Bolehkah Borang permohonan Pendaftaran fail Majikan diperolehi dari laman web LHDN ?**

J3: Setakat ini Borang Permohonan Pendaftaran Fail Majikan masih belum dimuatkan ke laman web LHDN. Oleh itu majikan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan borang tersebut dari Unit Khidmat Majikan, Cawangan LHDN yang berhampiran.

**S4: Syarikat saya telah mempunyai nombor fail Majikan. Walau bagaimanapun, baru-baru ini saya telah menukar nama Syarikat. Perlukah saya mendaftar nombor fail Majikan yang baru ?**

J4: Tuan tidak perlu mendaftar fail Majikan yang baru jika status perniagaan tidak berubah. Tuan hanya perlu mengemukakan salinan fotostat dokumen pertukaran nama seperti Borang A, D atau Borang 13 yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftaran Perniagaan atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sahaja kepada LHDN.

**S5: Adakah majikan masih perlu menghantar Borang Pemberitahuan Pekerja Baru (CP 22) untuk memaklumkan berkenaan pekerja baru syarikat mereka kepada LHDN?**

J5: Setiap majikan yang mula menggaji individu yang boleh atau mungkin boleh dikenakan cukai pendapatan hendaklah memberitahu berkenaan pekerja itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh permulaan pekerjaannya ( Seksyen 83 (2) Akta Cukai Pendapatan 1967).

Majikan perlu mengambil tindakan memaklumkan kepada Cawangan LHDN yang berdekatan tentang pekerja tersebut dengan menggunakan Borang CP22. Antara maklumat pekerja baru yang perlu diberi ialah nama, nombor kad pengenalan, alamat, nombor fail cukai pendapatan (jika ada), tarikh permulaan pekerjaan dan jenis serta syarat-syarat penggajian.

**S6: Perlukah majikan memberi notis Pemberitahuan Pemberhentian Kerja (Borang CP 22A / CP 22B) kepada LHDN mengenai pekerja yang akan berhenti kerja ?**

J6: Mulai 1 Januari 1997, Seksyen 83 (3) Akta Cukai Pendapatan 1967 telah dipinda di mana majikan tidak perlu memberi notis Pemberitahuan Pemberhentian Kerja sekiranya pendapatan pekerja yang akan berhenti itu adalah tertakluk kepada Potongan Cukai Berjadual ( PCB ) atau jika saraan pekerja berkenaan adalah kurang daripada amaun pendapatan yang tertakluk kepada Potongan Cukai Berjadual.

Majikan hanya perlu memberi notis Pemberitahuan Pemberhentian Kerja sekiranya pemberhentian kerja itu adalah kerana :-

- i. Pekerja akan bersara.
- ii. Pekerja akan meninggalkan Malaysia ( dengan tujuan tidak akan kembali lagi )
- iii. Pekerja tertakluk kepada skim potongan cukai berjadual, tetapi potongan tidak dibuat oleh majikan.

Jika sekiranya majikan dikehendaki menahan wang pekerja (dalam 3 kategori seperti di atas), majikan perlu mendapatkan Sijil Penyelesaian Cukai dari LHDN dengan mengemukakan Borang CP22A / Borang CP22B sebelum melepaskan wang yang ditahan.

**S7: Apakah tindakan yang perlu diambil oleh majikan sekiranya ada pekerja yang akan berhenti kerja dan meninggalkan Malaysia ?**

J7: Majikan bertanggungjawab memberi notis tentang pekerja yang akan meninggalkan Malaysia bagi tempoh tiga bulan atau lebih dengan melengkapkan Borang Pemberitahuan oleh Majikan bagi pekerja yang hendak meninggalkan Negara ini (CP 21) ke Cawangan LHDN di mana fail cukai pendapatan pekerja berada supaya Sijil Penyelesaian Cukai dapat dikeluarkan.

Majikan juga dikehendaki menahan wang pekerja tersebut bagi tujuan penyelesaian cukai. Notis Pemberitahuan ini mestilah dibuat dalam tempoh satu bulan sebelum tarikh pekerja tersebut dijangka akan meninggalkan Malaysia. [Seksyen 83 (4)].

Walau bagaimanapun, sekiranya pemergian pekerja tersebut adalah bagi tempoh yang kerap dalam perjalanan penggajiannya, maka majikan tidak perlu memberi notis tersebut.

**S8: Adakah pekerja kontrak dan sambilan diambilkira sebagai bilangan pekerja untuk dilaporkan di dalam Borang E ?**

J8: Ya, pihak tuan perlu melaporkan kerana syarikat tuan adalah majikan bagi pekerja tersebut dalam tahun berkenaan.

**S9: Bolehkah syarikat baru yang belum mendaftar fail Majikan menghantar Borang E ?**

J9: Tidak boleh. Majikan perlu mendaftar fail majikan terlebih dahulu sebelum menghantar Borang E untuk mengelakkan borang tersebut lambat diproses.

**S10: Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya Syarikat tidak beroperasi (Dormant) tetapi telah menerima Borang E ?**

J10: Borang E yang diterima itu perlu dilengkapkan seperti biasa dan ditandatangani. Maklumat di Bahagian A (Maklumat Bilangan Pekerja Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007) dan Bahagian B (Maklumat Mengenai Potongan Cukai Dibawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994) perlu dicatatkan " 0 " kerana bagi tahun tersebut tiada pekerja dan saraan dibuat.

Disamping itu, majikan juga perlu menghantar surat ke Cawangan di mana fail Majikan berada untuk tindakan supaya Borang E tidak lagi dikeluarkan pada masa akan datang sehinggalah syarikat tersebut beroperasi semula.

## S11 : Adakah Potongan PCB boleh diselaraskan dengan potongan zakat?

J11 : Boleh. Walau bagaimanapun, potongan PCB perlu dikira terlebih dahulu. Di mana seseorang pekerja membayar zakat secara potongan gaji, majikan boleh mengurangkan bayaran PCB atau tidak perlu meremit langsung bayaran PCB dengan menyelaraskannya dengan potongan zakat bulan berkenaan. Namun begitu, sekiranya zakat dibayar bukan secara potongan gaji, pekerja berkenaan perlu menghubungi Cawangan Pungutan yang berkenaan untuk penjelasan lanjut.

Contoh 1:

Bayaran zakat	-	RM55
Potongan PCB	-	RM105
PCB yang dikenakan	-	$(RM105 - RM55) = RM50$

Contoh 2:

Bayaran zakat	-	RM140
Potongan PCB	-	RM110
PCB yang dikenakan	-	$(RM110 - RM140) = \text{Tiada}$

\* Lebihan zakat (RM 30) akan di bawa ke hadapan untuk bulan berikutnya (dalam tahun yang sama)

### Senario Bayaran Zakat

1) Bayaran zakat dibuat melalui potongan gaji

- Pengiraan adalah seperti Contoh 1 dan 2

2) Bayaran zakat dibuat setahun sekali (sekaligus) iaitu:-

(a) Awal Tahun

- Jumlah zakat dibahagi 12. Pengiraan seperti Contoh 1 dan 2

(b) Akhir Tahun

- i) Mohon bayaran balik

ii) Mohon pemberhentian PCB tahun hadapan

**S12: Bagaimanakah pengiraan PCB untuk bayaran Bonus sekiranya bayaran Bonus dibuat dua kali atau lebih dalam tempoh setahun?**

J12: Pengiraan adalah menggunakan Formula Bonus. Tetapi pengiraan bulan perlu dibahagikan mengikut tempoh bulan bonus diterima.

Contoh:

Bonus setengah tahun dibayar pada bulan Jun dan setengah lagi pada Disember Tahun 200X. Oleh itu pengiraan Formula Bonus adalah seperti berikut:-

- A) Tentukan PCB saraan semasa
- B)  $1/12 \times \text{Bonus Bersih} + \text{Saraan Bersih}$
- C)  $\text{PCB B} - \text{PCB A} = \text{xx}$
- D)  $\text{Jumlah C (xx)} \times 12 = \text{xxx}$
- E)  $\text{Jumlah PCB D} + \text{Jumlah PCB A} = \text{xxxx}$

**S13: Bagaimanakah cara pengiraan PCB bagi pekerja yang berhenti pada 31 Ogos 2007 dan bonus dibayar kepadanya secara pro-rata untuk tempoh 8 bulan sahaja ?**

J13: Pengiraan adalah menggunakan Formula Bonus.

**S14: Di dalam Jadual PCB, pelepasan anak maksimum hanyalah seramai 10 orang. Bagaimana sekiranya bilangan anak melebihi daripada 10?**

J14: Pihak majikan perlu menggunakan Formula PCB untuk mengambilkira pelepasan anak. Sila rujuk Nota Penerangan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) (Pindaan) 1994 yang boleh didapati dari laman web Hasil [www.hasil.org.my](http://www.hasil.org.my) untuk maklumat lanjut.

**S15: Sebuah syarikat di Malaysia telah menggaji seorang warganegara Indonesia untuk bertugas di Anak Syarikat di Indonesia. Pendapatan beliau dibayar oleh Syarikat di Malaysia. Adakah potongan PCB perlu dilakukan dan apakah prosedurnya ?**

J15: Potongan Cukai Berjadual perlu dilakukan mengikut kadar 28% iaitu kadar bukan pemastautin.

**S16: Bagaimanakah potongan PCB dikira jika seorang pekerja mendapat manfaat dari majikan dalam bentuk tambang percutian?**

J16: Manfaat berupa tambang percutian tidak tertakluk kepada potongan PCB tetapi dikenakan cukai di bawah Seksyen 13(1)(b). Layanan cukai berhubung dengan tambang percutian ini boleh di rujuk dalam **Ketetapan Umum 1/2003**.

**S17: Saya mempunyai anak yang dilahirkan pada 18 March 1989 dan akan berumur 18 tahun pada 18 March 2007. Adakah saya layak untuk pelepasan bagi tujuan pengiraan PCB bagi bulan April 2007 hingga Disember 2007?**

J17: Berpandukan Nota Penerangan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994, tuan adalah tidak layak mendapat pelepasan anak bagi bulan April 2007 hingga Disember 2007 memandangkan anak tuan telah melebihi umur 18 tahun dan tidak mengikuti penggajian sepenuh masa di universiti, kolej atau institusi pendidikan yang serupa bagi pendidikan tinggi atau berkhidmat di bawah perjanjian atau indentur dengan tujuan untuk layak dalam suatu perdagangan atau profesion. Untuk makluman tuan, pengiraan PCB adalah berasaskan bulanan yang mana ianya hanya mengambilkira saraan dan pelepasan bulan semasa sahaja.

**S18: Saraan seorang pekerja pada setiap bulan tidak layak dikenakan PCB, oleh itu Nombor Cukai Pendapatan pekerja tidak didaftar oleh pihak LHDN walaupun majikan telah mengemukakan Borang CP22 semasa pekerja mula melapor diri dengan pihak majikan. Tetapi disebabkan pemberian Bonus, pekerja telah layak dikenakan PCB pada bulan tersebut. Adakah majikan perlu memotong PCB daripada saraan pekerja serta meremitkan bayaran tersebut walaupun pekerja tidak mempunyai nombor rujukan cukai pendapatan?**

J18: Majikan perlu memotong dan meremitkan bayaran PCB pekerja tersebut kepada pihak LHDN. Setelah bayaran diterima, pihak LHDN akan mengambil tindakan berikut:-

I) bagi pekerja tempatan, nombor rujukan cukai pendapatan pekerja tersebut akan didaftarkan jika maklumat seperti no. Kad pengenalan (lama dan baru) dan nama diberikan dengan lengkap. Setelah pendaftaran fail dibuat, pihak LHDN akan mengeluarkan surat pemberitahuan pendaftaran fail pekerja tersebut kepada majikan. Jika terdapat sebarang maklumat yang tidak tepat di dalam surat tersebut, pekerja tersebut perlulah memaklumkan kepada Cawangan LHDN di mana fail tersebut berada untuk tujuan kemaskini.

II) bagi pekerja asing, sebelum pendaftaran dibuat, pihak LHDN akan mengeluarkan surat pengesahan (ISB 12) kepada majikan untuk mendapatkan butiran lengkap pekerja asing tersebut untuk membolehkan pendaftaran fail dibuat. Surat pemakluman pendaftaran fail akan dikeluarkan kepada majikan

untuk membolehkan majikan menggunakan nombor rujukan cukai pendapatan yang betul pada masa akan datang.

Bagi mempercepat dan mempermudah proses pendaftaran fail pekerja ini, majikan adalah dinasihatkan untuk mengepulkan bersama Borang CP 22 atau Borang Pendaftaran Fail Cukai Pendapatan (In-Lieu CP 39) dengan Borang Penyata Potongan Cukai oleh Majikan (CP 39) semasa membuat bayaran PCB.

**S19: Bilakah tarikh akhir pengemukakan bayaran PCB perlu dibuat?**

J19: Bayaran PCB mestilah dikemukakan kepada LHDN selewat-lewatnya pada atau sebelum 10 hb bulan berikutnya.

**S20 : Sekiranya arahan potongan gaji (Borang CP 38) dikeluarkan kepada majikan untuk pekerjanya, adakah majikan masih perlu membuat potongan cukai di bawah skim PCB untuk pekerja berkenaan ?**

J20 : Ya. Arahan potongan gaji (Borang CP 38) yang dikeluarkan kepada majikan adalah bertujuan untuk menyelesaikan cukai yang masih tertunggak di akaun cukai pendapatan pekerja berkenaan manakala PCB pula adalah untuk pendapatan semasa pekerja tersebut.

**S21 : Bayaran PCB yang berlebihan telah dibuat kepada seseorang pekerja untuk sesuatu bulan. Adakah bayaran balik lebih PCB tersebut akan dibuat kepada pihak majikan ?**

J21 : Tidak. Potongan PCB bulanan yang berlebihan hanya akan dibuat pembayaran balik sekiranya ada permohonan daripada pekerja berkenaan dan hanya akan dibayar kepada pekerja tersebut bukan kepada pihak majikan.

**S22 : Pemotongan jumlah yang berlebihan daripada jadual PCB telah dikesan. Bolehkan pindaan PCB dibuat melalui potongan bagi bulan yang berikutnya?**

J22 : Pindaan PCB boleh dibuat dengan syarat surat penjelasan dikepulkan bersama-sama potongan pindaan yang dikemukakan. Pindaan PCB tidak dibenarkan bagi tahun yang berbeza.

Contoh;

Kesilapan potongan PCB yang dibuat dalam bulan Disember 2006 tidak boleh dibuat pindaan dalam bulan Januari 2007.

**S23: Jika seseorang pekerja diberhentikan atau berhenti bekerja, adakah potongan PCB perlu dibuat?**

J23: Ya. Selain daripada mematuhi skim potongan cukai bulanan, majikan juga perlu mematuhi perkara-perkara berikut sekiranya pekerja tiada potongan PCB dibuat setiap bulan dan gaji atau saraan bulanan layak dikenakan cukai. Perkara-perkara yang perlu diambil tindakan ialah:-

(i) Semua wang saraan terakhir pekerja hendaklah ditahan.

(ii) Pemberitahuan mengenai pemberhentian pekerja melalui borang CP 22A (Borang CP 22 B untuk pekerja di sektor awam) hendaklah dikemukakan dengan segera ke Cawangan Penaksiran LHDN yang berkenaan.

(iii) Jumlah sebenar cukai yang kena dibayar (sekiranya ada) hendaklah dikemukakan ke LHDN dengan segera yang kemudiannya akan mengeluarkan Surat Penyelesaian Cukai kepada pekerja berkenaan.

**S24: Seseorang pekerja mempunyai pendapatan lebih daripada satu majikan. Bagaimanakah potongan cukai pekerja tersebut dikira?**

J24: Setiap majikan hanya perlu memotong cukai mengikut jumlah saraan yang dibayar oleh mereka sahaja. Majikan yang lain adalah bertanggungjawab untuk membuat potongan cukai di atas saraan yang dibayar oleh mereka.

**S25: Adakah majikan masih perlu memotong PCB sekiranya pekerja mempunyai potongan ansuran CP500 setiap bulan?**

J25: Ya. PCB adalah potongan daripada penggajian manakala Ansuran CP500 adalah bayaran ansuran untuk pendapatan selain daripada penggajian.

**S26: Sebuah syarikat mengamalkan pemberian insentif (seperti 'Project Award', 'Performance Incentive' dan lain-lain) yang mana pemberian tersebut adalah berdasarkan tahap pencapaian pekerja dan ini mungkin berlaku agak kerap dan tidak tentu. Bagaimanakah cara pengiraan PCB untuk kes-kes seperti di atas?**

J26: 'Formula Bonus' digunakan, tanpa mengambilkira berapa kali pemberian insentif itu dibayar dalam satu tahun kerana pemberian ini merupakan satu tambahan pendapatan kepada saraan biasa.

**S27: Adakah potongan SOCSO dibenarkan dalam mengira potongan PCB?**

J27: Tidak, kerana SOCSO merupakan potongan yang tidak dibenarkan di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

**S28: Adakah majikan dibenarkan mengemukakan bayaran menggunakan dua keping cek untuk satu bulan potongan?**

J28: Tidak boleh. Bayaran hanya boleh dibuat menggunakan satu cek untuk satu bulan potongan tetapi jika satu cek untuk banyak bulan, pihak LHDN boleh menerima bayaran tersebut.

**S29: Apakah tindakan yang perlu di ambil sekiranya majikan telah melakukan kesilapan dengan menulis di Borang CP 39 bayaran Bonus 2007, sedangkan bayaran itu adalah untuk Bonus 2006 dan dibayar dalam tahun 2007?**

J29: Terdapat 2 cara tindakan boleh diambil iaitu:-

1) Sekiranya bayaran **belum** dikreditkan ke lejar pekerja:

a) **Kesemua** amaun di Borang CP39 tersebut adalah bagi PCB Bonus 2006 yang dibayar pada 2007.

-Pindahan kredit ke bulan 12/2006 akan dilakukan di lejar majikan. Oleh yang demikian bayaran akan dikreditkan ke lejar pekerja sebagai bayaran 2006.

-Surat makluman pindahan kredit akan diberikan kepada majikan kerana LHDN tidak akan mengeluarkan resit baru atas pindahan kredit ini. Maka majikan akan menganggap bayaran tersebut sebagai bayaran tahun 2006.

b) **Sebahagian** amaun di Borang CP39 tersebut adalah bagi PCB Bonus 2006 yang dibayar pada 2007 dan **sebahagian** amaun pula adalah untuk bayaran PCB gaji Februari 2007.

-Hanya sebahagian amaun PCB sahaja yang akan dipindahkan ke bulan 12/2006 dalam lejar majikan. Oleh yang demikian, sebahagian bayaran tersebut akan dikreditkan ke lejar pekerja sebagai bayaran 2006 dan sebahagian lagi sebagai bayaran PCB Februari 2007.

-Surat makluman pindahan kredit akan diberikan kepada majikan kerana LHDN tidak akan mengeluarkan resit baru atas

pindahan kredit ini. Maka majikan akan menganggap **sebahagian** bayaran tersebut sebagai bayaran tahun 2006. Bagi kes majikan yang membuat bayaran menggunakan media elektronik, majikan dikehendaki memberikan 2 data yang berasingan iaitu data untuk bayaran PCB Bonus 2006 yang dibayar pada 2007 dan data untuk bayaran PCB gaji Februari 2007.

2) Sekiranya bayaran **telah** dikreditkan ke lejar pekerja.

-Unit PCB akan mengeluarkan surat menganggap bayaran itu sebagai bayaran Bonus 2006 kepada majikan.

\* Majikan adalah dinasihatkan untuk memaklumkan kesilapan pengisian Borang ini kepada LHDN untuk tindakan selanjutnya.

## **PENGISIAN BORANG E**

### **BUTIR-BUTIR MAJIKAN**

**S30: Apakah yang dimaksudkan dengan nama majikan, sama ada nama tuan punya perniagaan atau nama perniagaan yang telah didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Perniagaan / Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ?**

J30: Nama yang dimaksudkan itu ialah nama yang didaftarkan oleh Pejabat Pendaftaran Perniagaan / Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Contoh :-

Nama tuan punya perniagaan : Ali bin Ahmad.

Nama yang didaftarkan oleh Pejabat Pendaftaran Perniagaan : Ali Enterprise.

Nama majikan yang perlu diisi dalam Borang E : ALI ENTERPRISE.

**S31: Perlukah saya memasukkan tanda " - " semasa mengisi kotak nombor rujukan E?**

J31: Tidak perlu.

Contoh pengisian kotak seperti berikut :- **No. E : 1234567-08**

E

0	1	2	3	4	5	6	7	0	8
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

**S32 a: Di manakah boleh didapati maklumat Kod Status bagi majikan?**

J32 a: Maklumat kod status majikan boleh dirujuk di dalam Nota Penerangan Borang E 2007 ( muka surat 1 ).

**S32 b: Apakah yang dimaksudkan dengan “berkomputer“ dalam Kod Status Majikan ?**

J3 b: Berkomputer bermaksud Borang EA / EC yang digunakan oleh majikan adalah cetakan berkomputer sendiri dan bukan daripada borang yang disediakan oleh LHDN. Kebiasaannya digunakan oleh syarikat yang mempunyai sistem 'payroll' dan bilangan pekerjanya adalah ramai.

**S33: Bagaimanakah nombor rujukan cukai diisi dalam Borang E 2007 bagi Perniagaan Milik Tunggal ?**

J33: Contoh pengisian nombor rujukan cukai pendapatan bagi OG 268902-04(0) ialah seperti berikut:

0	2	0	2	6	8	9	0	2	0	4	0
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

**S34: No. K/P ( Baru / Lama ) dan No. Passport siapakah yang perlu diisikan di ruangan 5, 6 dan 7 di dalam Borang E 2007 ?**

J34: No. K/P ( Baru / Lama ) dan No. Pasport hanya perlu diisi oleh Ahli Kongsi Utama atau Pemilik Perniagaan Tunggal sahaja.

Bagi kes Syarikat, Koperasi, Persatuan / Pertubuhan, ruangan ini tidak perlu di isi.

**S35: Kenapa nombor Pendaftaran Perniagaan yang didaftarkan oleh Pejabat Pendaftaran Perniagaan atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) perlu diisi di dalam Borang E?**

J35: Ianya diperlukan untuk tujuan semakan.

**BAHAGIAN A : MAKLUMAT BILANGAN PEKERJA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007.**

**S36: Apakah yang dimaksudkan dengan Bilangan pekerja di ruangan A1, adakah bilangan pekerja yang bekerja sepanjang tahun 2007 atau jumlah pekerja yang masih bekerja pada 31 Disember 2007?**

J36: Bilangan pekerja yang perlu diisi di ruangan A1 ialah jumlah semua pekerja yang masih bekerja pada 31 Disember 2007.

**S37: Bagaimanakah cara mengira bilangan pekerja yang terlibat dengan PCB di ruangan A2 ?**

J37: Pengiraan adalah berdasarkan contoh berikut:

**Contoh : Kes 1 (Jumlah pekerja 10 orang)**

<b>Pekerja Layak PCB</b>	<b>Potongan PCB</b>	<b>Pilih Potongan Zakat</b>
10 orang	8 orang	2 orang

Bilangan pekerja terlibat dengan PCB di A2 ialah 10 orang.

				1	0
--	--	--	--	---	---

**Contoh : Kes 2 (Jumlah pekerja 15 orang)**

<b>Pekerja Layak PCB</b>	<b>Potongan PCB</b>	<b>Pilih Potongan Zakat</b>
10 orang	8 orang	2 orang
<b>Pekerja Tidak Layak PCB</b>	<b>Potongan PCB</b>	<b>Pilih Potongan Zakat (sukarela)</b>
5 orang	Tiada	5 orang

Bilangan pekerja terlibat dengan PCB di A2 ialah 10 orang.

				1	0
--	--	--	--	---	---

**S38: Apakah yang dimaksudkan dengan pekerja baru di A3 ?**

J38: Bilangan pekerja baru yang dimaksudkan ialah jumlah bilangan pekerja yang mula bekerja dari tempoh 1 Januari 2007 hingga 31 Disember 2007.

**S39: Dari tempoh manakah perlu diambilkira jumlah bilangan pekerja yang berhenti di ruangan A4 ?**

J39: Tempoh yang perlu diambilkira bagi menentukan bilangan pekerja yang berhenti ialah dari 1 Januari 2007 sehingga 31 Disember 2007.

**BAHAGIAN B : MAKLUMAT MENGENAI POTONGAN CUKAI DI BAWAH KAEDAH CUKAI PENDAPATAN ( POTONGAN DARIPADA SARAAAN ) ( PINDAAN ) 1994**

**S40: Apakah yang dimaksudkan dengan jumlah saraan kasar di B1?**

J40: Jumlah saraan kasar yang dibayar kepada semua pekerja bagi tempoh 1 Januari 2007 sehingga 31 Disember 2007 ( tidak termasuk nilai manfaat berupa barangan dan nilai tempat kediaman ).

**S41: Adakah jumlah saraan kasar yang tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan ) 1994 yang perlu diisi di ruangan B2 ialah jumlah keseluruhan saraan pekerja yang layak PCB sehingga 31 Disember 2007 ?**

J41: Ya, ruangan B2 perlulah diisikan dengan jumlah saraan bagi semua pekerja yang layak PCB.

**S42: Bagaimanakah pengiraan jumlah cukai pendapatan yang patut dipotong daripada semua pekerja yang layak PCB di ruangan B3?**

J42: Jumlah ini merupakan jumlah cukai pendapatan pekerja ( sebelum potongan zakat ) yang sepatutnya dipotong mengikut Kaedah- Kaedah Cukai Pendapatan iaitu Potongan Cukai Berjadual. Jumlah B3 diperolehi dengan mencampurkan ruangan B4, B5 dan B7.

**S43: Adakah jumlah potongan di B3 sama dengan B4 dalam Borang E 2007?**

J43: Jika pekerja yang layak PCB tidak membuat potongan zakat, maka ruangan B3 akan sama dengan ruangan B4 kerana tiada tolakan bayaran zakat.

**S44: Bolehkah diambil kira potongan zakat bagi pekerja yang tidak layak potongan PCB dijumlahkan bersama dengan pekerja yang layak PCB di ruangan B5 ?**

J44: Tidak boleh . Jumlah potongan zakat di B5 hanya bagi pekerja yang layak PCB sahaja.

**S45: Adakah bayaran zakat yang dibayar sendiri oleh pekerja boleh dimasukkan di ruangan B5 dalam Borang E 2007 ?**

J45: Zakat yang dibayar sendiri tidak boleh diambil kira kerana ruangan B5 itu adalah bagi pekerja yang layak potongan PCB dan zakat dibayar melalui potongan gaji oleh majikan sahaja.

**S46: Adakah jumlah potongan cukai pendapatan berkaitan Skim Pemberian Saham kepada pekerja perlu dilaporkan bersama di dalam Borang E 2007 ini ?**

J46: Ya. Majikan perlu melaporkan jumlah potongan tersebut di ruangan B7 kerana ia juga tertakluk di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan ( potongan daripada saraan ) 1994.

### **BAHAGIAN C : MAKLUMAT PEKERJA YANG BERHENTI KERJA UNTUK MENINGGALKAN MALAYSIA**

**S47: Sekiranya ada pekerja yang telah berhenti kerja dan meninggalkan Malaysia dalam tahun 2007, apakah kod yang patut diisi di dalam kotak soalan C1 ?**

J47: Sila Isikan

1

**S48: Adakah maklumat di C1 berkaitan dengan soalan C2?**

J48: Ya, jika ruangan C1 disikan dengan " 1 " maka ruangan C2 perlu diisikan " 1 " atau " 2 " , mana yang berkenaan.

#### **BAHAGIAN D : MAKLUMAT MAJIKAN**

**S49: Alamat surat menyurat majikan telah bertukar ke alamat baru, bolehkah ianya dikemaskini dalam Borang E 2007 ?**

J49: Ya. Majikan boleh mengemaskini alamatnya yang terkini dalam Borang E 2007 di ruangan D1.

**S50: Perlukah nombor telefon majikan dimaklumkan di dalam Borang E ini 2007 ?**

J50: Ya. Ia adalah wajib diisi.

#### **BAHAGIAN E : AKUAN**

**S51: Siapakah yang layak membuat akuan dan menandatangani Borang E ini ?**

J51: Orang yang layak adalah mereka yang mempunyai kuasa atau yang diberikan kuasa menguruskan perjalanan perniagaan berkenaan seperti Pengarah, Pengurus, Akauntan Syarikat dan lain-lain.

**Disediakan oleh : Unit 5, Pusat Khidmat Pelanggan  
Versi : 1/2008  
Tarikh kemaskini : 18.01.2008**